

**Agong Berangkat Ke Mesyuarat Majlis Raja-raja Di Istana Negara
Bernama
27 Februari 2014**

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Khamis berangkat menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-234 di Istana Negara.

Keberangkatan tiba Seri Paduka diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Mesyuarat itu dipengerusikan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Tuanku Munawir.

Mesyuarat hari kedua itu dihadiri oleh semua Raja Melayu kecuali Pahang yang diwakili Tengku Mahkota Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan Perak oleh Pemangku Raja Perak Raja Dr Nazrin Shah Sultan Azlan Shah. Sultan Johor diwakili oleh Tengku Temenggong Johor Tunku Idris Sultan Ibrahim.

Kesemua Yang Dipertua Negeri turut hadir.

Dalam mesyuarat itu, Raja-Raja Melayu diiringi menteri besar masing-masing manakala Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman Abbas dan Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Johar Mahiruddin diiringi ketua menteri masing-masing.

Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng pula hadir diiringi Menteri Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar Datuk Amar Awang Tengah Ali Hassan yang mewakili ketua menteri.

Turut hadir Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin dan Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Datuk Seri Syed Danial Syed Ahmad dalam satu kenyataan berkata ahli mesyuarat itu telah diberikan taklimat terkini mengenai pertahanan negara oleh Zulkifeli, isu keselamatan oleh Khalid dan taklimat mengenai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta kos sara hidup oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Perkara lain yang dibincangkan dalam mesyuarat itu ialah mengenai agama Islam, isu mengenai darjah kebesaran, bintang dan pingat yang tidak diiktiraf serta pelantikan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan Ahli-Ahli Lembaga Pengelola The Malay College Kuala Kangsar (MCKK).

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1017852>